

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(V)25

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM
YB. JOSEPH NG SOON SIANG**

25. Rancangan Makanan Tambahan (RMT) di sekolah akan diteruskan?
- (a) Nyatakan jumlah yang diperuntukkan oleh Kementerian Pendidikan ke atas seorang pelajar setiap sajian?
 - (b) Nyatakan juga jumlah pelajar yang menerima skim ini dan sejauh mana keberkesanannya dalam membantu meringankan perbelanjaan keluarga.
 - (c) Nyatakan juga adakah *diet* yang diperkenalkan dilaksanakan oleh pihak pengusaha atau pembekal.

**YB. PROF. DR. P. RAMASAMY A/L PALANISAMY
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

25. Rancangan Makanan Tambahan (RMT) telah dikelola, diselia dan dilaksanakan sepenuhnya oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bermula tahun 1979 dan akan diteruskan sehingga mendapat arahan selanjutnya.
- (a) Jumlah yang diperuntukkan oleh Kementerian Pendidikan bagi seorang pelajar adalah sebanyak RM2.50 sehari di Semenanjung Malaysia dan RM3.00 sehari di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

- (b) Sehingga 16 Julai 2018, seramai 10,276 orang murid telah menerima skim RMT ini di Pulau Pinang. RMT membantu murid-murid sekolah rendah terutamanya dari luar bandar dan yang daripada keluarga berpendapatan rendah dan berfungsi sebagai imbuhan serta menjimatkan duit pelajar bagi tempoh 190 hari iaitu tempoh pelaksanaan RMT. Selain itu, program ini juga memperbaiki keadaan kesihatan, fizikal dan amalan pemakanan murid-murid. Usaha ini juga adalah untuk membantu murid-murid meningkatkan prestasi kehadiran dan akademik mereka di sekolah selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM).
- (c) Pihak pengusaha atau pembekal menyediakan makanan berdasarkan Garis Panduan Penyediaan Makanan Bersih dan Selamat Bagi RMT Sekolah di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Pemantauan program RMT dilaksanakan secara berterusan di mana penekanan diberi kepada pengurusan kewangan program, proses penilaian permohonan (data) dan keakuran pembekal makanan terhadap dokumen perjanjian